

04/07/2002

Tiga Naib Presiden Umno akur saranan

SUBANG, Rabu - Ketiga-tiga Naib Presiden Umno akur saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak berlaku perebutan kuasa di kalangan pemimpin atasan parti bagi menjamin kekuatan dan keutuhannya.

Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, juga memberi jaminan akan menyokong keputusan pucuk kepimpinan serta memberi kerjasama bagi menjamin kelancaran proses peralihan kuasa dalam parti.

Najib berkata, beliau yakin tidak berlaku perebutan kuasa di kalangan anggota parti dalam tempoh peralihan itu.

"Apa yang lebih penting sekarang ialah memastikan parti kukuh dan bersatu. Tidak harus ada kempen bersifat taksub untuk mana-mana individu kerana ia boleh merosakkan parti," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir yang yakin tidak berlaku perebutan kuasa di kalangan pemimpin parti.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini, sekembalinya beliau daripada percutian selama 10 hari di Eropah.

Najib berkata, parti akan semakin kukuh sekiranya anggota Umno mementingkan perpaduan dan membuat keputusan secara bijak dan berhemah.

"Kita juga perlu sentiasa mengingati nasihat Dr Mahathir yang mahukan kepentingan parti diutamakan berbanding kepentingan lain," katanya.

Sementara itu, Muhammad berkata, perebutan kuasa di kalangan pemimpin tinggi boleh membawa kepada perpecahan pada banyak peringkat dalam Umno, sekali gus melemahkan parti.

Justeru katanya, pemimpin Umno dan ahli perlu akur nasihat Perdana Menteri, kembali kepada perjuangan asal parti serta mengetepikan kepentingan peribadi.

"Saya secara peribadi, sudah memberi amaran kepada mereka yang rapat dengan saya supaya tidak bercakap mengenai siapa dalam kem siapa. Tidak harus ada sebarang puak atau kem dalam parti kerana ia bukan saja akan membawa kepada perpecahan, malah boleh merosakkan parti," katanya.

Muhyiddin pula berkata, pemimpin pelapis kedua dalam Umno perlu mengetepikan cita-cita politik peribadi dalam tempoh peralihan kuasa sekarang.

Sebaliknya, beliau berkata, mereka sepatutnya berusaha membangunkan negara dan mengukuhkan Umno selaku tonggak Barisan Nasional (BN).

"Semua anggota Umno dan pemimpinnya perlu memberi perhatian kepada nasihat Perdana Menteri supaya memelihara perpaduan parti dan memastikan keutuhan parti pada semua peringkat," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir telah menyatakan dengan jelas bahawa beliau mahu melihat Umno terus kukuh dan tidak berlaku sebarang persaingan atau pergaduhan.